

KERUSI RODA.... D
Kamarudin turut menyampaikan pernyerahan sebuah kerusi roda kepada salah seorang mangsa warga emas orang kurang upaya (OKU) yang lumpuh.



SERAHKAN BANTUAN... D. Kamarudin (tiga kanan) menyerahkan sumbangan barang keperluan kepada Uda sambil diperhatikan oleh Awang Hussaini.

UMS turut hulur sumbangan mangsa kebakaran Kg Pasir Putih, Putatan

NST 17.1.2019 8

KOTA KINABALU: Prihatin terhadap mangsa kebakaran yang menjieaskan lebih 300 penduduk di Kampung Pasir Putih Putatan, warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil menghulurkan sumbangan bantuan barang keperluan kepada mangsa yang terlibat.

Rombongan Misi Bantuan Bencana Kebakaran daripada UMS yang diketuai oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk D. Kamarudin D. Mudin bersama pegawai-pegawai UMS turut menyampaikan sumbangan bantuan tersebut di Dewan Serbaguna Putatan.

Bantuan itu telah diserahkan kepada Pem-

bantu Menteri Undang-undang dan Hal Ehwal Anak Negeri yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Peragas, Datuk Haji Uda Sulai sambil disaksikan oleh Ahli Parlimen Putatan, Awang Husaini Sahari dan Pegawai Daerah Putatan, Hassan Haji Mahali.

D Kamarudin turut menyampaikan pernyerahan sebuah kerusi roda kepada salah seorang mangsa warga emas orang kurang upaya (OKU) yang lumpuh.

Seramai 100 sukarelawan terdiri daripada kakitangan dan pelajar juga telah turun padang untuk membantu pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat mengasingkan sumbangan barang tujuan bagi tujuan agihan kepada keluarga mangsa terlibat.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali.

Dalam kejadian berlaku kira-kira jam 12.50

BANTU... Sukarelawan UMS turut turun padang untuk membantu pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat mengasingkan sumbangan barang tujuan bagi tujuan agihan kepada keluarga mangsa terlibat.

tengah hari pada 11 Januari lalu, 55 rumah musnah dijilat api mengakibatkan seramai 329 orang melibatkan 76 keluarga termasuk dua warga emas OKU tinggal sehelai sepinggang. Sehingga kini, mangsa yang terjejas masih ditempatkan di Dewan Serbaguna Putatan.

ditempatkan di Dewan Serbaguna Putatan.